



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak  
Jalan Tun Abdul Razak  
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000  
Faks : 605 527 7273  
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

### 1MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN

Rujukan Kami: J.Pel.Pk. (HEM) 5128/9/3 Jld 2(4 )

Tarikh : 13 Mac 2018

Semua Pengarah Kolej Vokasional,  
Semua Pengetua,  
Semua Guru Besar,  
Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan,  
Sekolah-sekolah Negeri Perak.

Tuan,

### PELAKSANAAN SKIM PERLINDUNGAN MURID DI DALAM BAS SEKOLAH SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT (SPMBS-SPAD) TAHUN 2018

Dengan segala homatnya merujuk surat Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Operasi Pendidikan) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) , KPMSP.800-4/1/33 Jld.2(38) bertarikh 6 Mac 2018.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan melaksanakan Skim Perlindungan Murid Di Dalam Bas Sekolah (SPMBS-SPAD). Skim ini memberi perlindungan kepada semua murid sekolah yang menggunakan perkhidmatan bas sekolah yang berlesen dengan SPAD **berkuatkuasa mulai 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018** dan kawasan perlindungan meliputi Semenanjung Malaysia, Singapura dan Thailand. Skim ini hanya melibatkan Semenanjung Malaysia sahaja dan sumbangan Takaful ini dibayar oleh Kerajaan Malaysia melalui SPAD. SPAD telah melantik Syarikat Hong Leong MSIG Takaful sebagai penyedia khidmat perlindungan tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, tuan dimohon untuk mewar-warkan kepada semua warga sekolah dan mengurus pelaksanaan SPMBS-SPAD di sekolah jika berlaku kemalangan agar panduan dan tatacara tuntutan yang dikemukakan kepada pihak Syarikat Hong Leong menggunakan Borang Tuntutan adalah seperti dilampirkan. Bahan-bahan tersebut juga boleh dimuat turun melalui laman web rasmi KPM dan SPAD.

4. Bersama-sama ini dilampirkan surat KPM dan slide yang berkaitan untuk rujukan tuan. Kerjasama dan perhatian tuan dalam melaksanakan SPMBS-SPAD ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

  
(HAJI MAT JAAFAR BIN MAT ZAIN, PPT.)

Ketua Sektor,  
Sektor Pembangunan Kemanusiaan  
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Perak

s.k : Pegawai Pendidikan Daerah

SPK/Hem/ruzz/bb

**Perak EXcellent**

Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung

